

17 JAN 2003

MAHATHIR-PENYELIDIKAN/I

MAHATHIR: M'SIA BERMINAT UNTUK LABUR DALAM FIRMA R&D ASING

CYBERJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Malaysia berminat untuk melabur dalam firma-firma penyelidikan dan pembangunan asing tetapi dengan hanya syarikat yang berupaya memberikan hasil yang terbaik, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunannya sendiri terutama dalam elektronik yang kini relevan.

Dr Mahathir berkata demikian semasa berucap melancarkan inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) baru Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di Koridor Raya Multimedia (MSC) - The Fast Track Programme of InventQjaya, di sini hari ini.

InventQjaya, merupakan kemudahan R&D sementara yang dimiliki syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Reveo Inc., sebuah syarikat mengkhusus dalam R&D bagi mewujudkan teknologi baru dan membentuk perniagaan baru berasaskan teknologi tersebut.

Dr Mahathir berkata Malaysia ketinggalan berbanding banyak negara lain dari segi penyelidikan elektronik tetapi mendapat faedah yang banyak daripada kemajuan elektronik melalui penyelidikan yang dibuat oleh negara lain.

Bagi melaksanakan penyelidikan, beliau berkata Malaysia juga akan bekerja dengan makmal-makmal penyelidikan asing.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah bekerja dengan makmal penyelidikan asing dan telah mendapat banyak pengetahuan daripada mereka.

Atas alasan berkenaan, beliau berkata Malaysia akan menyokong pelabur asing yang mahu menubuhkan makmal di Malaysia.

Beliau berkata apabila Reveo Inc. dipelawa datang ke sini, syarikat berkenaan telah diminta menunjukkan apa yang dapat dihasilkannya.

Selepas berbincang dan melihat beberapa demonstrasinya, beliau berkata adalah justifikasi untuk menyediakan Reveo dengan dana dan bantuan.

InventQjaya dimiliki Dr Sadeg Mustafa Faris, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Reveo Inc.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan makmal tetap bagi Reveo dengan kos RM100 juta bagi membantunya meneruskan penyelidikannya di Malaysia. Ia akan siap akhir tahun ini. -- BERNAMA

LES KTC NHD